



**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI
BILANGAN 2 TAHUN 2026**

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN AKAUN KHAS (BANTUAN SEGERA)
NEGERI PULAU PINANG**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Ahli Dewan Undangan Negeri,
Pegawai Daerah,
NEGERI PULAU PINANG

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan kaedah pengurusan peruntukan Akaun Khas (Bantuan Segera) Negeri Pulau Pinang di bawah Maksud Bekalan B.16 OS42000 Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang (JKNPP).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan khas pada setiap tahun bagi memastikan bantuan segera dapat disalurkan secara efisien kepada golongan yang memerlukan.
- 2.2 Peruntukan Akaun Khas (Bantuan Segera) ini ditetapkan berdasarkan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dan selaras dengan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri dalam tahun semasa.

3. SKOP PENGGUNAAN PERUNTUKAN

3.1 Penggunaan peruntukan ini adalah bagi mana-mana bentuk pembiayaan yang diyakini memberi manfaat nyata kepada Masyarakat dan tidak bercanggah dengan peraturan kewangan negeri dan mana-mana peraturan yang berkuat kuasa.

3.2 Permohonan penggunaan peruntukan ini haruslah menggunakan **Borang Permohonan AK1** seperti di **Lampiran 1**. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan peruntukan digunakan mengikut skop yang ditetapkan.

3.3 Pembiayaan ini boleh merangkumi:

(a) Pemerkasaan Komuniti dan Modal Insan

- i. **Perolehan Aset Komuniti:** Pembiayaan bagi perolehan peralatan, perabot, dan kemudahan asas (seperti khemah, kerusi, meja, sistem siar raya) yang menjadi milik bersama untuk kegunaan komuniti setempat;
- ii. **Program Latihan dan Pendidikan:** Membiayai penganjuran program latihan, seminar, kursus kemahiran, dan motivasi yang dianjurkan oleh badan bukan komersial, pertubuhan sukarela, atau persatuan yang berdaftar secara sah; dan/atau
- iii. **Aktiviti Kemasyarakatan:** Pembiayaan penganjuran keraian, jamuan, dan pengurusan program yang bertujuan mengukuhkan perpaduan sosial dan kesejahteraan rakyat.

(b) Bantuan Kebajikan dan Golongan Rentan

- i. **Sumbangan Golongan Sasar:** Pemberian bantuan peralatan, bekalan, atau barangan keperluan kepada golongan B40, Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas, ibu tunggal, dan individu rentan yang memerlukan bantuan segera;
- ii. **Bantuan Musibah:** Sumbangan tunai bagi meringankan beban akibat kematian, bencana alam, atau lain-lain musibah yang menimpa penduduk; dan/atau

- iii. **Program Melalui NGO/Persatuan:** Penyaluran bantuan melalui NGO atau persatuan berdaftar yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi menjalankan aktiviti kebajikan dan sosial tanpa motif keuntungan.

(c) Pembangunan Projek dan Prasarana Awam

- i. **Projek Kepentingan Awam:** Membiayai atau membiayai sebahagian projek-projek kecil yang memberi impak langsung dan manfaat kepada orang ramai di dalam kawasan berkenaan.

4. KUASA, HAD KUASA MELULUS DAN KAWALAN PERUNTUKAN

4.1 Kuasa Pegawai Pengawal

- 4.1.1 Kawalan sepenuhnya ke atas peruntukan ini adalah di bawah bidang kuasa Pegawai Kewangan Negeri. Pegawai Kewangan Negeri boleh menurunkan kuasa kepada pegawai di bawah kawalannya, termasuk Pegawai Daerah, bagi menguruskan pelaksanaan projek, perolehan, serta urusan bayaran terus kepada penerima;
- 4.1.2 Waran Peruntukan Kecil akan dikeluarkan kepada Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) pada setiap suku tahun bagi penyaluran ke Akaun Khas KADUN. Dalam hal ini, Pegawai Daerah adalah bertindak sebagai Pegawai Pengawal bagi peruntukan yang disalurkan ke Akaun Khas KADUN;
- 4.1.3 Pegawai yang menerima penurunan kuasa adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan penggunaan peruntukan ini mematuhi skop dan kategori penggunaan peruntukan seperti di perenggan 3 surat pekeliling ini;
- 4.1.4 Pegawai Pengawal dan pegawai yang diturunkan kuasa boleh, dalam bidang kuasa dan kawalannya, menjalankan pemeriksaan/pemantauan atau meminta apa-apa dokumen yang difikirkan munasabah sebagai suatu bentuk pembuktian bagi setiap urusan pembiayaan/bayaran yang telah dibuat menggunakan peruntukan ini.

5. PENGURUSAN AKAUN KHAS KADUN

- 5.1 YAB. Ketua Menteri/YB. Timbalan Ketua Menteri/YB. Ahli MMK dan YB. ADUN hendaklah membuka Akaun Semasa (*Current Account*) di Maybank. Pegawai Kewangan Negeri akan mengeluarkan surat iringan kepada YB. ADUN bagi tujuan pembukaan akaun semasa ini;
- 5.2 YAB. Ketua Menteri/YB. Timbalan Ketua Menteri/YB. Ahli MMK dan YB. ADUN bertindak sebagai penandatangan bagi Akaun Khas masing-masing;
- 5.3 Akaun ini adalah untuk terimaan wang Kerajaan sahaja dan haruslah diuruskan dengan baik serta teratur sepanjang masa;
- 5.4 Dokumen-dokumen sokongan/pembuktian bagi setiap urusan akaun haruslah disimpan dan direkodkan dengan teratur. Pegawai Pengawal atau pegawai yang diturunkan kuasa berhak untuk meminta dokumen/laporan bagi urusan akaun ini pada bila-bila masa yang dirasakan perlu;
- 5.5 Penyata akaun bank haruslah disimpan dengan sempurna; dan
- 5.6 Akaun Khas ini hendaklah ditutup dan semua baki akan ditarik balik oleh JKNPP sekiranya YAB. Ketua Menteri/YB. Timbalan Ketua Menteri/YB. AMMK dan YB. ADUN tidak lagi berperanan sebagai ADUN di Negeri Pulau Pinang (apabila berlaku pembubaran DUN, kematian, hilang kelayakan atau sebab-sebab lain yang sah disisi undang-undang).

6. LARANGAN DAN SEKATAN

Selaras dengan langkah penjimatan Kerajaan dan integriti, sekatan perbelanjaan bagi peruntukan ini adalah seperti berikut:

- 6.1 Peruntukan ini tidak boleh digunakan untuk kepentingan individu secara peribadi yang tidak memenuhi kriteria golongan rentan, badan politik, persatuan/pertubuhan/badan yang bermotifkan komersial atau keuntungan;
- 6.2 Peruntukan ini juga tidak boleh diberi kepada kelab/persatuan dari Jabatan/Agensi Kerajaan, termasuk PUSPANITA dan MAKSAK kecuali mendapat kelulusan khas Pegawai Kewangan Negeri;
- 6.3 Penggunaan peruntukan untuk bayaran sewa pejabat, bil utiliti, gaji, atau elaun kakitangan adalah tidak dibenarkan;

- 6.4 Pembiayaan projek, program, bantuan atau sumbangan di luar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) adalah tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, pengecualian khas diberikan kepada YAB. Ketua Menteri, YB. Timbalan Ketua Menteri dan YB Ahli MMK. Dalam melaksanakan pengecualian tersebut, bagi memastikan pelaksanaan yang adil dan saksama, pertimbangan utama hendaklah diberikan kepada penduduk dalam KADUN masing-masing; dan
- 6.5 Pembiayaan projek/program/bantuan/sumbangan kepada KADUN di luar negeri Pulau Pinang adalah tidak dibenarkan.

7. PELAPORAN DAN PEMANTAUAN

Bagi memastikan keseragaman dan pemantauan yang efektif, pelaporan hendaklah dikemukakan mengikut format seperti berikut:

- 7.1 Laporan prestasi pelaksanaan dan perbelanjaan Akaun Khas ini (**Lampiran 2**) perlu dikemukakan secara bulanan kepada Pegawai Pengawal untuk rekod dan apa-apa semakan sekiranya perlu;
- 7.2 Seterusnya laporan prestasi perbelanjaan menggunakan format seperti di **Lampiran 3** perlu dikemukakan oleh PDT secara suku tahunan (10 April, 10 Julai, 10 Oktober, 10 Januari) kepada Unit Belanjawan JKNPP;
- 7.3 Sekiranya perlu, Pegawai Pengawal atau pegawai yang diturunkan kuasa boleh menetapkan garis panduan sebagai kawalan dalaman bagi mengelakkan ketirisan penggunaan dana awam serta memastikan setiap peruntukan dibelanjakan secara telus, berhemah dan demi kepentingan komuniti serta masyarakat.

8. TARIKH KUAT KUASA

- 8.1 Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan arahan kewangan semasa yang berkuat kuasa bagi memastikan perbelanjaan Kerajaan dilaksanakan secara optimum, telus dan berintegriti selaras dengan prinsip kawalan perbelanjaan awam.

- 8.2 Surat Pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan. Dengan berkuatkuasanya surat pekeliling ini, maka Garis Panduan berkaitan yang terdahulu adalah dibatalkan.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”**

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ZABIDAH BINTI SAFAR)
Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang

Tarikh: **22** Disember 2025

s.k.: YAB. Ketua Menteri Pulau Pinang

YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang